



12 JUN, 2026

UM iFEST 2026 platform pameran keupayaan mahasiswa cipta inovasi

Berita Harian, Malaysia



UM iFEST 2026 platform pameran keupayaan mahasiswa cipta inovasi

Kejayaan buktikan keupayaan barisan pelapis intelek negara terjemah kajian teoritis solusi praktikal

Oleh Suraya Ali
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Penganjuran Festival Idea Universiti Malaysia (UM iFEST 2026) selama empat hari berakhir semalam di Dewan Tunku Canselor (DTC) UM terus menjadi platform utama dalam mempamerkan keupayaan intelek dan kreativiti mahasiswa mendepani cabaran industri serta komuniti.

Membawa tema 'Mengilham Idea, Mencetus Perubahan' festival tahunan ini berfungsi sebagai jambatan strategik menghubungkan hasil penyelidikan akademik peringkat prasiswazah dan pascasiswazah dengan realiti sektor pasaran.

Melalui pengisian lebih dinamik pada tahun ini, UM iFEST 2026 bukan sekadar pameran penyelidikan berskala besar, malah turut disertakan dengan pengisian karnival kerjaya interaktif.

Antara projek penyelidikan yang menarik perhatian panel juri dan pelawat ialah inovasi daripada pelajar ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan, Abhishek Prasad Mahendran, 25.

Melalui kajiannya bertajuk 'Pengoptimuman Kos Elektrik



Dr Zambry (tengah) bersama Mohd Nor Azman, Zarinah (dua dari kanan) dan Noor Azuan (dua dari kiri) pada Majlis Penutup UM iFEST 2026 di Dewan Tunku Canselor Universiti Malaysia, semalam. (Foto Aizuddin Saad/BH)

dan Permintaan Kuasa Puncak di Kawasan Kediaman Pinggir Bandar Malaysia Melalui Penjadualan Penyimpanan Tenaga Komuniti Berasaskan Tindak Balas Permintaan dan Tarif Masa Penggunaan'.

Beliau membincangkan kecekapan tarif masa penggunaan oleh Tenaga Nasional Berhad (TNB) mengurangkan beban grid pada waktu puncak.

Kalian Abhishek mendedahkan anjakan waktu penggunaan perkakas elektrik dalam kalangan pengguna domestik sebenarnya sangat terhadap.

Bagi mengatasi kelemahan itu, beliau mencadangkan pelaksanaan sistem storan bateri komuniti yang akan menyalurkan tenaga



Abhishek Prasad



Lau Jian Yong

persekitaran urban turut dikupas melalui kajian bertajuk 'Dari Kampung ke Kondominium: Keterasingan Sosial dalam Kalangan Komuniti di Kediaman Bertingkat Tinggi' oleh pengkaji muda, Lau Jian Yong, 24.

Isu hubungan sosial

Projek oleh graduan Ijazah Sarjana Muda Senibina UM ini membangkitkan isu pemutusan hubungan sosial dialami penduduk kediaman bertingkat tinggi di bandar besar seperti Kuala Lumpur.

Berdasarkan kepakaran dalam bidang seni bina, Jian Yong mencadangkan penyelesaian masalah pengasingan sosial ini diterjemah melalui reka bentuk ruang interaktif dalam bangu-

nan bertingkat.

Mengambil inspirasi reka bentuk rumah tradisional seperti elemen 'serambi' dan balkoni terbuka di kampung, konsep ini diyakini mampu merangsang semula komunikasi harian antara jiran tetangga, sekali gus menyatukan semula masyarakat kota yang semakin terasing.

Sektor kesihatan awam turut mendapat perhatian melalui kajian inovatif oleh mahasiswa Sarjana Muda Farmasi (Kepujian), Khong Hua Jun, 24. Beliau mengetengahkan penyelidikan bagi menangani isu jangkitan parasit seperti kurap yang menjadi endemik serta menjejaskan sekitar 11.6 peratus populasi di Malaysia.

Hua Jun berkata, idea kajian ini tercetus selepas beliau dan penyelia akademiknya menyertai program khidmat masyarakat di sebuah perkampungan dan mereka melihat sendiri kesengsaraan penduduk tempatan dijangkiti parasit berkenaan.

Didorong kesedaran itu, beliau berjaya membangunkan formula topikal antiparasit berasaskan hidrogel yang mampu melekat dengan baik pada kulit, mengekalkan integriti formulasinya dan memastikan pelepasan ubat secara berfasa untuk penyembuhan optimum.

Beliau yakin produk inovasi ini dapat dikomersialkan pada masa depan, malah formulasinya tidak hanya terhad kepada rawatan manusia, tetapi turut berpotensi diperluaskan bagi kegunaan sektor penternakan dan haiwan domestik yang menawarkan solusi menyeluruh terhadap ancaman wabak parasit secara global.